



HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK	ETIQA FAMILY TAKAFUL BERHAD ("Pengendali Takaful/Kami")
Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk menyertai SMART WARIS. Anda juga diminta untuk membaca terma dan syarat amnya.	Smart Waris
	<Date>

### 1. Apakah ciri-ciri produk ini?

Smart Waris ialah satu pelan Takaful berkaitan pelaburan dengan sumbangan berkala dan dengan pilihan tempoh pembayaran sumbangan secara penuh atau terhad, dan pilihan tempoh sijil. Pelan ini melindungi kematian dan Hilang Upaya Menyeluruh & Kekal (HUMK). Amaun sumbangan merangkumi Komponen Asas dan Enricher, jika perlu. Terdapat tambah nilai berkala dan ad hoc untuk meningkatkan nilai akaun.

### 2. Apakah konsep-konsep asas Syariah yang digunakan?

#### a) Tabarru'

Pelan ini juga menggunakan konsep Tabarru' di mana Peserta-peserta bersetuju untuk mendermakan atau menyumbangkan sebahagian tertentu dari sumbangan untuk Dana Risiko Peserta (DRP) untuk tujuan saling bantu-membantu dan bantuan kepada Peserta, jika diperlukan

#### b) Wakalah

Pelan ini juga menggunakan konsep Wakalah, di mana peserta menamakan Kami untuk bertindak bagi pihak peserta untuk melabur dan mengurus Dana Pelaburan Peserta (DPP) dan Dana Risiko Peserta (DRP). Peserta juga bersetuju untuk memberi kuasa kepada Kami untuk mewakilkan hak-hak, tanggungjawab-tanggungjawab dan kewajipan-kewajipan kami kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang Kami fikirkan sesuai untuk tujuan mencapai objektif untuk melabur dan mengurus DPP dan DRP, dengan syarat bahawa, sekiranya ada perwakilan sedemikian, Kami akan bertanggungjawab terhadap semua hak, kewajipan dan tanggungjawab tersebut terhadap peserta.

#### c) Dana Pelaburan Peserta (DPP)

Sumbangan yang diperuntukkan untuk akaun akan diperuntukkan ke dalam DPP. Sumbangan itu akan diperuntukkan kepada pembelian unit, dibahagikan kepada dana terpilih dan dilaburkan mengikut prinsip Syariah. Sebarang keuntungan pelaburan dari DPP akan ditunjukkan dalam harga unit. Nilai akaun adalah nilai unit dalam DPP.  
Caj-caj Tabarru' dan sebarang caj dan fi sijil lain akan di tolak daripada DPP.

#### d) Dana Risiko Peserta (DRP)

Caj Tabarru' yang ditolak daripada DPP akan dikreditkan kepada DRP. Sekiranya terdapat lebihan yang boleh diagihkan daripada DRP pada akhir setiap tahun kewangan, peserta berhak menerima 50% daripada lebihan tersebut selepas ditolak 50% kepada Pengendali Takaful kerana mengendali dan menguruskan DRP berdasarkan kontrak Ju'alah. Amaun yang kena dibayar kepada peserta akan dilaburkan semula dan terkumpul dalam DPP.

### 3. Apakah perlindungan / manfaat yang diberikan?

No.	Perlindungan / Manfaat	Huraian Manfaat
1	Manfaat Kematian	Jumlah berikut akan dibayar secara sekaligus: 1) RM<sum covered> jumlah yang dilindungi ditolak amaun pengeluaran separa dalam tempoh 12 bulan sebelum kematian; atau 2) Nilai akaun pada penilaian berikutnya selepas notis tuntutan diterima dan RM5,000, mana-mana yang lebih tinggi.

2	Manfaat Kematian Akibat Kemalangan	<p>1) Jika kematian berlaku di Malaysia, Singapura atau Brunei, dan adalah berpunca daripada kemalangan, tambahan 200% daripada jumlah yang dilindungi akan dibayar, selain daripada manfaat kematian telah dibayar.</p> <p>2) Jika kematian berlaku di negara selain daripada Malaysia, Singapura dan Brunei, dan adalah berpunca daripada kemalangan, tambahan 300% daripada jumlah yang dilindungi akan dibayar, selain daripada manfaat kematian telah dibayar.</p> <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Manfaat kematian akibat kemalangan berlaku di negara selain daripada Malaysia, Singapura dan Brunei, adalah tertakluk kepada tempoh perjalanan 6 bulan berturut-turut.</li> <li>b) Jika kematian akibat kemalangan berlaku selepas tempoh melebihi 6 bulan di negara selain daripada Malaysia, Singapura dan Brunei, jumlah yang akan dibayar adalah terhad kepada tambahan 200% daripada jumlah yang dilindungi.</li> <li>c) Jumlah yang dilindungi untuk manfaat kematian akibat kemalangan adalah terhad kepada RM 10 juta bagi semua polisi dan sijil yang dikeluarkan bagi orang yang dilindungi yang sama.</li> <li>d) Perlindungan untuk HUMK akibat kemalangan akan tamat pada hari jadi ke-69 orang yang dilindungi.</li> </ul>
3	Manfaat HUMK	<p>Jika HUMK berlaku sebelum hari jadi ke-69 orang yang dilindungi, jumlah berikut akan dibayar secara sekaligus:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) RM&lt;sum covered&gt; jumlah yang dilindungi ditolak aman pengeluaran separa dalam tempoh 12 bulan sebelum tarikh kelulusan HUMK; atau</li> <li>2) Nilai akaun pada penilaian berikutnya selepas tarikh kelulusan HUMK dan RM5,000, mana-mana yang lebih tinggi.</li> </ol> <p>Nota:</p> <p>Jumlah yang perlu dibayar bagi HUMK tertakluk kepada RM6 juta maksimum bagi setiap orang yang dilindungi.</p>
4	Manfaat Jangka Panjang Penjagaan HUMK	<p>Jika HUMK berlaku sebelum hari jadi ke-69 orang yang dilindungi, 6% daripada jumlah yang dilindungi akan dibayar setiap tahun bagi 5 tahun berturut-turut.</p> <p>Nota:</p> <p>Jumlah yang perlu dibayar bagi HUMK tertakluk kepada RM2 juta maksimum bagi setiap orang yang dilindungi.</p>
5	Unit Bonus Kesetiaan	<p>Unit bonus yang bersamaan dengan 0.1% daripada jumlah yang dilindungi sebanyak RM&lt;sum covered&gt; akan dibentuk dan diperuntukkan kepada akaun anda, setiap 2 tahun, daripada awal tahun sijil ke-7 hingga matang.</p> <p>Manfaat ini dibayar daripada DRP dan adalah dengan syarat atas semua sumbangan terdahulunya telah dibayar apabila perlu.</p>
6	Manfaat Ihsan	Jika orang yang dilindungi meninggal dunia atau HUMK berlaku sebelum hari jadi ke-69 orang yang dilindungi, RM5,000 akan dibayar.
7	Manfaat Matang	Nilai akaun akan dibayar secara sekaligus.
8	Manfaat Serahan	Nilai akaun akan dibayar secara sekaligus.

Sijil tambahan atau rider < Note to BA: To display only selected riders. Waiver riders cannot coexist >		
No	Perlindungan / Manfaat	Huraian Manfaat
1	Waiver of Contribution for Critical Illness	Sumbangan pada masa hadapan di bawah sijil ini dan rider-ridernya akan dikecualikan, apabila orang yang dilindungi didiagnosis dengan salah satu daripada 38 penyakit kritikal yang dilindungi sewaktu tempoh rider dan masih hidup sekurang-kurangnya 30 hari dari tarikh diagnosis.
2	Payor Waiver of Contribution (Spouse)	Sumbangan pada masa hadapan di bawah sijil ini dan rider-ridernya akan dikecualikan, apabila peserta meninggal dunia, hilang keupayaan secara menyeluruh dan kekal, atau didiagnosis dengan salah satu daripada 38 penyakit kritikal yang dilindungi sewaktu tempoh rider dan masih hidup sekurang-kurangnya 30 hari dari tarikh diagnosis.

3	Critical Illness	Jumlah yang dilindungi bagi rider akan dibayar, apabila orang yang dilindungi didiagnosis dengan salah satu daripada 39 penyakit kritis yang dilindungi sewaktu tempoh rider dan masih hidup sekurang-kurangnya 30 hari dari tarikh diagnosis. Jumlah yang perlu dibayar bagi Angioplasti dan Rawatan Pembedahan Lain Untuk Penyakit Arteri Koronari Utama adalah terhad kepada 10% jumlah yang dilindungi bagi rider, tertakluk kepada jumlah maksimum RM25,000. Rider ini tidak akan mengurangkan jumlah yang dilindungi bagi sijil asas.
4	Wakaf Benefit	Sekiranya orang yang dilindungi meninggal dunia atau mengalami HUMK, jumlah yang dilindungi akan diagihkan sekaligus kepada organisasi Wakaf yang dilantik oleh Kami bagi orang yang dilindungi.  'Wakaf' ialah menahan barang harta yang boleh dimanfaatkan serta kekal asetnya ke arah kegunaan yang harus untuk kebajikan.

**Peringatan:** Sila baca risalah pemasaran, helaian fakta dana dan ilustrasi pemasaran yang mengandungi maklumat tentang manfaat produk dan objektif-objektif dana pelaburan. Memilih pelan atau dana yang sesuai dengan matlamat kewangan dan profil risiko anda adalah amat penting.

#### 4. Berapakah sumbangan yang perlu saya bayar?

Jumlah sumbangan yang perlu anda bayar mungkin akan berubah berdasarkan kepada keperluan pengunderaitan dan keadaan kewangan Kami.

Sumbangan Komponen Asas	RM <basic contribution>
Sumbangan Enricher	RM <enricher contribution>
Sumbangan Tambah Nilai Berkala	RM <regular top-up contribution>

Anggaran jumlah sumbangan yang perlu anda bayar ialah RM <total contribution> <contribution mode>, dengan butirannya seperti di atas. Tempoh pembayaran sumbangan adalah <contribution payment term> tahun. Jika jenis sumbangan bertingkat dipilih, sumbangan Enricher akan meningkat setiap lima tahun sijil sepanjang tempoh pembayaran sumbangan.

Anggaran amaun sumbangan adalah berdasarkan tempoh sijil yang telah anda pilih, dan sah berdasarkan unjuran dana bagi akaun. Prestasi sebenar dana mungkin berbeza daripada unjuran tersebut akibat prestasi dana yang kurang baik, walaupun semua sumbangan dibayar pada masanya, dan anda mungkin perlu membayar sumbangan tambahan.

Semua caj dan fi (jika berkenaan) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan yang ditentukan perlu oleh pihak berkuasa percubaan Malaysia. Adalah penting untuk menyimpan setiap resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran sumbangan.

Kami memperuntukkan sebahagian daripada sumbangan untuk membeli unit-unit dalam dana berkaitan pelaburan yang anda pilih. Sebarang jumlah yang tidak diperuntukkan (iaitu sumbangan yang dibayar selepas ditolak sumbangan yang diperuntukkan) adalah fi Wakalah yang digunakan untuk menanggung perbelanjaan operasi Kami dan komisen kepada pengedara. Fi Wakalah dan kadar peruntukan bagi Komponen Asas adalah seperti dalam jadual berikut, sementara fi Wakalah dan kadar peruntukan bagi Enricher, tambah nilai berkala atau ad hoc, adalah 5% dan 95% masing-masing, sepanjang tempoh sijil.

Tahun Sijil	Kadar Peruntukan (% daripada Sumbangan Komponen Asas)	Fi Wakalah (% daripada Sumbangan Komponen Asas)
1	<allocation rate>%	<wakalah>%
2	<allocation rate>%	<wakalah>%
3	<allocation rate>%	<wakalah>%
4	<allocation rate>%	<wakalah>%
5	<allocation rate>%	<wakalah>%
6	<allocation rate>%	<wakalah>%
7	<allocation rate>%	<wakalah>%
8	<allocation rate>%	<wakalah>%
9	<allocation rate>%	<wakalah>%
10	<allocation rate>%	<wakalah>%
11 dan seterusnya	<allocation rate>%	<wakalah>%

<Note to BA: to show table only up to selected certificate term>

## 5. Apakah fi-fi dan caj-caj yang perlu saya bayar?

### a) Tabarru' dan Caj Pentadbiran

Anda perlu membayar caj Tabarru' dan caj pentadbiran yang akan ditolak dari nilai akaun pada setiap bulan. Caj Tabarru' adalah berdasarkan umur dan ia akan meningkat sejajar dengan peningkatan umur anda. Caj Tabarru' adalah untuk perlindungan Takaful di bawah sijil ini. Caj pentadbiran semasa ialah RM15.00 untuk 12 bulan pertama, dan RM6.00 setiap bulan selepas itu.

### b) Fi Pengurusan Dana

Caj pengurusan dana adalah caj untuk menguruskan dana-dana pelaburan dan akan ditolak pada setiap penilaian. Caj ini akan dikenakan secara pro rata pada setiap penilaian seperti skala yang dinyatakan di bawah.

Dana Yang Dipilih	Peruntukan Pelaburan (% daripada amaun peruntukan)	Annual Fund Management Fee (% daripada Nilai Aset Bersih)
Dana Pendapatan Prima Takaful	<Fund allocation rate>%	1.00%
Dana Syariah Seimbang	<Fund allocation rate>%	1.20%
Dana Ekuiti Prima Takaful	<Fund allocation rate>%	1.50%

*Nota-nota:*

- i) Peruntukan ke dalam mana-mana dana mestilah sekurang-kurangnya 10%, dengan gandaan 1%.
- ii) Jumlah peruntukan mestilah 100%.

### c) Fi Pertukaran Dana

Pertukaran adalah tidak terhad dan percuma.

*Nota-nota:*

- i) Senarai di atas adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada ilustrasi pemasaran atau sijil untuk maklumat terperinci.
- ii) Semua fi dan caj adalah tidak dijamin dan mungkin berlainan pada masa hadapan dengan memberi 3 bulan notis. Caj-caj mungkin disemak untuk mengambil kira pengalaman tidak memuaskan atau inflasi.

## 6. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

- a) Kepentingan Pendedahan – Bagi membantu Kami membuat keputusan untuk menerima risiko dan menentukan kadar dan terma sijil anda, anda perlu mendedahkan semua maklumat yang relevan, termasuk keadaan perubatan (jika berkaitan) dan umur, dengan betul. Jika maklumat ini disembunyikan atau didapati tidak tepat, ia akan mengakibatkan kontrak tidak sah, tuntutan tidak dibayar, atau terma dan syarat sijil berubah.
- b) Nilai Akaun – Nilai akaun sijil berkaitan pelaburan anda bergantung kepada prestasi dana-dana berkaitan pelaburan yang anda pilih dan tidak dijamin. Lebih tinggi perlindungan Takaful yang dipilih, lebih banyak unit yang akan ditolak untuk membayar caj dan fi sijil dan lebih sedikit unit-unit yang akan tinggal untuk mengumpul nilai akaun di bawah sijil anda. Potongan unit akaun untuk caj dan fi sijil dan caj rider (jika ada), adalah sepanjang tempoh sijil, walaupun selepas tempoh membayar sumbangan.
- c) Pendedahan Risiko – Harus diingat bahawa sebarang pelaburan mempunyai tahap risiko pelaburan tertentu yang ditanggung sepenuhnya oleh peserta.
- d) Tempoh Tangguh – Tempoh masa tambahan yang diberikan kepada anda untuk membayar sumbangan yang perlu dibayar. Tempoh tangguh di bawah sijil ini adalah 31 hari dari tarikh sumbangan perlu dibayar.
- e) Cuti Sumbangan – Jika nilai akaun adalah mencukupi, anda boleh berhenti seketika dari membayar sumbangan. Jika sumbangan tidak dibayar, caj dan fi sijil akan terus ditolak melalui pembatalan unit-unit dari nilai akaun. Ini akan mengurangkan nilai akaun dan akhirnya menyebabkan sijil luput. Anda perlu memastikan bahawa nilai akaun adalah mencukupi untuk membayar fi dan caj tersebut supaya anda boleh menikmati perlindungan Takaful yang tidak tergendala.
- f) Tempoh Peruntukan Tidak Luput - Jika nilai akaun tidak mencukupi untuk menampung caj dan fi sijil, sijil ini dan rider-ridernya (jika ada) akan terus berkuat kuasa dalam tempoh 6 tahun pertama sijil dari tarikh permulaan sijil ini dengan syarat sumbangan yang sewajarnya dibayar tepat pada masanya dalam tempoh tangguh dan tidak ada pengeluaran separa yang dibuat dalam tempoh masa ini. Caj dan fi sijil akan terus ditolak dari nilai akaun. Sekiranya terdapat nilai akaun yang tidak mencukupi, kekurangan ini akan dibayar balik daripada sumbangan akan datang, selepas pengembalian semula atau ditolak daripada wang yang akan dibayar untuk sebarang tuntutan atau pembayaran manfaat. Selepas tempoh peruntukan tidak luput, anda mungkin perlu membayar sumbangan tambahan, seperti sumbangan tambah nilai, jika nilai akaun tidak mencukupi untuk membayar kekurangan ini, untuk mengelakkan sijil luput dengan kadar segera.
- g) Untuk mengelak sijil daripada luput, anda mungkin diminta untuk menambah nilai sumbangan pada masa hadapan jika terdapat semakan caj Tabarru' yang akan menyusutkan nilai akaun dengan lebih cepat, atau jika nilai akaun tidak mencukupi untuk menampung caj dan fi sijil sepanjang tempoh sijil.
- h) Sebarang amaun pengeluaran separa dalam tempoh 12 bulan sebelum kematian atau tarikh kelulusan HUMK akan mengurangkan manfaat yang akan dibayar dengan jumlah yang sama.

- i) Tempoh Percuma – Anda boleh membatalkan sijil dengan memberi arahan bertulis kepada Kami dalam tempoh 15 hari selepas sijil diterima oleh anda, atas apa jua sebab. Kami akan membatalkan sijil dan mengembalikan jumlah sumbangan yang tidak diperuntukkan, nilai akaun dana pelaburan mengikut harga unit pada penilaian yang berikutnya, caj Tabarru' dan sebarang caj pentadbiran sijil yang telah ditolak. Jumlah yang dikembalikan akan ditolak sebarang kos perubatan yang ditanggung. Sila ambil perhatian bahawa untuk tujuan menentukan tempoh 15 hari, sijil ini akan dianggap sebagai telah dikembalikan kepada Kami pada tarikh Kami menerima sijil ini jika dihantar sendiri atau pada tarikh penghantaran pos jika sijil ini dihantar kepada Kami melalui pos berdaftar, atau pada tarikh transmisi jika sijil ini dihantar secara elektronik.

*Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk pada sijil untuk terma dan syarat yang menyeluruh.*

## **7. Apakah pengecualian utama dibawah sijil ini?**

### a) Bunuh Diri

Jika orang yang dilindungi membunuh diri ketika siuman, liabiliti Kami adalah terhad kepada berikut:

- i) Dalam masa 1 tahun dari tarikh pengeluaran sijil atau tarikh pengembalian semula yang terbaru, Kami akan membayar:
  - a. Sumbangan yang tidak diperuntukkan; dan
  - b. Nilai akaun pada tarikh penilaian berikutnya sejurus selepas pemberitahuan tuntutan.
- ii) Selepas 1 tahun dari tarikh pengeluaran sijil dikeluarkan atau tarikh pengembalian semula yang terkini, Kami akan membayar:
  - a. Jumlah yang dilindungi ditolak aman pengeluaran separa dalam tempoh 12 bulan dari kematian; atau
  - b. Nilai akaun pada tarikh penilaian berikutnya sejurus selepas pemberitahuan tuntutan dan RM5,000, mana-mana yang lebih tinggi.

Jika orang yang dilindungi membunuh diri ketika tidak siuman, jumlah yang akan dibayar adalah:

- i) Jumlah yang dilindungi ditolak aman pengeluaran separa dalam tempoh 12 bulan dari kematian; atau
  - ii) Nilai akaun pada penilaian berikutnya sejurus selepas pemberitahuan tuntutan dan RM5,000, mana-mana yang lebih tinggi.
- b) Sijil ini tidak akan melindungi kematian akibat kemalangan, atau HUMK yang berlaku secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh:
- i) Kematian atau kecederaan diri yang disengajakan, bunuh diri atau cubaan membunuh diri, ketika siuman;
  - ii) Penyertaan di dalam apa-apa perbuatan jenayah atau menyalahi undang-undang, mogok, rusuhan, keganasan atau kekecohan awam;
  - iii) Penglibatan dalam apa-apa sukan atau aktiviti berbahaya seperti (tetapi tidak terhad kepada) menunggang kuda, sukan air (kecuali kapal layar yang tidak bermotor dan berenang), memburu, perlumbaan (kecuali perlumbaan jalan kaki), mendaki gunung, meneroka atau kembara gua, dan sukan musim sejuk;
  - iv) Penyertaan dalam sebarang bentuk penerbangan (kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang atau anak kapal pada laluan tetap yang dikendalikan oleh sistem penerbangan komersial), atau sukan udara seperti (tetapi tidak terhad kepada) terjunan udara, payung terjun, terjun bungee, luncur udara dan belon;
  - v) Perang (sama ada diisyiharkan atau tidak), revolusi, serangan oleh negara-negara asing, atau pencerobohan;
  - vi) Penggunaan alkohol, ubat-ubat atau narkotik tanpa preskripsi atau yang menyalahi undang-undang;
  - vii) Provokasi fizikal dan ganas oleh orang yang dilindungi, yang membawa kepada tindak balas yang menyebabkan kematian atau kecederaan;
  - viii) Penyedutan racun, gas atau wasap, yang diambil sama ada secara sukarela atau tidak;
  - ix) Pencemaran radioaktif yang berpuncaa daripada bahan api, senjata, bahan buangan atau pemprosesan; atau
  - x) Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV) atau Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS).
- c) Rider dengan manfaat penyakit kritis yang dilampirkan bersama sijil ini (jika ada) tidak akan melindungi:
- i) Keadaan sedia ada;
  - ii) Kecederaan diri yang disengajakan ketika siuman;
  - iii) Penggunaan alkohol, ubat-ubat atau narkotik tanpa preskripsi atau yang menyalahi undang-undang; atau
  - iv) AIDS, komplikasi berkaitan AIDS, atau jangkitan yang disebabkan oleh HIV kecuali mana-mana yang dilindungi.

*Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk pada sijil untuk pengecualian yang menyeluruh.*

## **8. Bolehkah saya membatalkan sijil ini?**

Penyertaan dalam pelan berkaitan pelaburan dengan sumbangan berkala adalah satu komitmen kewangan jangka panjang. Adalah tidak dinasihatkan untuk menyimpan sijil ini untuk tempoh yang singkat memandangkan kos permulaan yang tinggi. Sekiranya anda mendapat bahawa dana yang anda pilih tidak lagi sesuai, anda diberi kelonggaran untuk bertukar ke atau mencampurkan dana-dana lain yang terdapat di bawah pelan ini pada bila-bila masa untuk mengambil peluang dalam pasaran pelaburan.

Nilai serahan (jika ada) adalah tidak dijamin dan bergantung kepada prestasi dana berkaitan pelaburan yang anda pilih. Sila pertimbangkan dengan sewajarnya sebelum anda membuat serahan kerana nilai serahan mungkin kurang daripada sumbangan yang telah dibayar.

## **9. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan kepada butir-butir peribadi saya**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada Kami segala perubahan kepada butir-butir peribadi anda (termasuk penama) supaya Kami boleh menghubungi anda tepat pada waktunya. Sila e-melkan kepada [info@etiqacom.my](mailto:info@etiqacom.my), atau hubungi Etiqa Oneline ditalian 1300-13-8888.

**10. Dimanakah saya boleh memperolehi maklumat lanjut?**

Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Takaful berkaitan pelaburan, sila rujuk kepada risalah *insuranceinfo* tentang 'Takaful Berkaitan Pelaburan' yang boleh didapati di semua cawangan Kami atau anda boleh mendapatkan salinan daripada pengedar Kami atau kunjungi [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my).

Jika anda ada sebarang pertanyaan, sila hubungi Perkhidmatan Pelanggan Kumpulan Maybank di talian 1300-88-6688, atau anda boleh tulis kepada Etiqa Family Takaful Berhad (199301011506), Dataran Maybank, No 1 Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur, atau dengan menelefon Etiqa Oneline di 1300-13-8888, atau e-mel ke Etiqa Family Takaful Berhad di [info@etiqacom.my](mailto:info@etiqacom.my), atau kunjungi [www.etiqacom.my](http://www.etiqacom.my). Etiqa Family Takaful Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

**11. Lain-lain perlindungan serupa yang ada.**

Sila rujuk kepada pengedar Kami untuk jenis-jenis perlindungan serupa yang sedia ada.

**NOTA PENTING:**

PRODUK INI MERUPAKAN PRODUK TAKAFUL YANG BERKAITAN DENGAN PRESTASI ASET-ASET DASARNYA, DAN IA BUKANLAH PRODUK PELABURAN SEMATA-MATA SEPERTI UNIT AMANAH. ANDA HARUS MEMPERTIMBANGKAN PILIHAN-PILIHAN ANDA DENGAN TELITI DAN MEMASTIKAN BAHAWA PELAN TAKAFUL KELUARGA BERKAITAN PELABURAN YANG DIPILIH MENEPATI PILIHAN RISIKO ANDA, DAN ANDA MAMPU MEMBAYAR SUMBANGANNYA SEPANJANG TEMPOH SIJILINI. UNTUK MENINGKATKAN NILAI PELABURAN PADA BILA-BILA MASA, ANDA DINASIHATKAN SUPAYA MEMBAYAR SUMBANGAN TAMBAHAN SEBAGAI "TAMBAH NILAI". PULANGAN KE ATAS DANA BERKAITAN PELABURAN ADALAH TIDAK DIJAMIN.

Maklumat yang disediakan dalam helaian pendedahan produk ini sah pada <issue date>.